

NAMA: TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5
TAHUN 2025

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Modul ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Jawab semua soalan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah Diperoleh
A	1	8	
	2	6	
	3	11	
	4	4	
	5	6	
B	6	13	
	7	12	
	8	10	
C	9	30	
JUMLAH		100	

Modul ini mengandungi **13** halaman bercetak

Join telegram @exercise_students

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata bilangan. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata bilangan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa, kata ganda atau nama khas.*

Dalam kehidupan dunia yang semakin mencabar, pendidikan memainkan peranan penting bagi melahirkan insan yang berkualiti. Walaupun telah banyak program diperkenalkan oleh pihak kerajaan, namun sesetengah pelajar masih kurang berminat untuk menimba ilmu. Hal ini berlaku kerana segelintir individu mengabaikan kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, semua pihak termasuk ibu bapa dan guru harus berganding bahu bagi memastikan kejayaan generasi muda tercapai. Oleh itu, masyarakat perlu mengambil tindakan proaktif agar setiap individu mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Gambaran Bilangan yang Pelbagai'
oleh Kho Thong Eng,
Dewan Bahasa, 7 November 2022

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian nyatakan jenis-jenis ayat perintah yang bergaris di bawah sama ada ayat larangan, ayat suruhan, ayat permintaan atau ayat silaan.*

Ibu menghampiri dan berkata, (i) "Luqman, tolong ambikan buku di bilik ibu." Dengan lembut ibu berpesan, (ii) "jangan biar lampu terpasang selepas ambil buku itu." Ibu Luqman yang berada di ruang tamu berkata, (iii) "mari duduk bersama-sama ibu di sini." Luqman mengangguk. "Ibu, boleh saya keluar jumpa kawan selepas ini?" tanya Luqman. Ibunya menegaskan, "boleh, (iv) usah lama sangat. Esok kamu bersekolah." Ibunya turut berpesan, (v) "berhati-hati ketika berada di luar." Luqman menjawab, "Baik, (vi) pastikan ibu makan ubat dahulu sebelum tidur."

Sumber: Internet

[6 markah]

Join telegram @exercise_students

- 3 *Petikan di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulanannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

Doktor,

Saya pengidap diabetes. Anak saya telah membelikan makanan tambahan untuk mengubati penyakit saya. Adakah makanan tambahan ini boleh digunakan untuk menggantikan ubat?

Hajah Rasidah binti Baharom,

Kota Baru, Kelantan.

Puan Hajah Rasidah,

Memang terdapat lambakan produk makanan tambahan yang semakin popular di dalam pasaran. Tambahan pula, pelbagai medium telah digunakan untuk mendokumentasikan produk tersebut termasuk radio, televisyen dan sosial media. Ada yang mendakwa bahawa makanan tambahan ini lebih baik banding dengan ubat. Akibatnya, ada pesakit yang tidak mahu mengambil ubat. Sebenarnya, makanan tambahan tidak boleh menggantikan ubat. Semasa membeli bahan ini, pengguna perlu hati-hati. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak makanan tambahan yang tidak diuji secara menyeluruh daripada segi keselamatannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4'
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]



MAKANAN TAMBAHAN





01 VITAMIN B KOMPLEKS

Vitamin ini menyokong sistem metabolisme tubuh, fungsi organ dan saraf. Kekurangan vitamin B boleh menyebabkan anemia dan masalah neurologi. Makanan yang penuh dengan vitamin B termasuklah kekacang, sayuran hijau, daging lembu dan telur.



02 VITAMIN C



Vitamin C dikenali sebagai anti-oksidan yang kuat, melindungi sel daripada kerosakan dan menyokong sistem imun. Kekurangan vitamin C boleh menyebabkan skurvi. Sumber vitamin C adalah buah jambu merah, kiwi, betik, strawberi, sayur brokoli dan paprika.



03 VITAMIN D



Membantu untuk meningkatkan sistem imun dan penting untuk kesihatan tulang. Kekurangan vitamin D boleh menyebabkan kerapuhan tulang dan meningkatkan risiko jangkitan. Sumber vitamin D termasuklah ikan salmon dan telur.



[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. Maka negeri Melaka pun kararlah.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

- 5 *Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Baca petikan dengan teliti, dan **senaraikan peribahasa tersebut**. Kemudian, anda dikehendaki **menyenaraikan peribahasa yang sama atau hampir sama maksud dengan peribahasa yang anda senaraikan**.*

Pendidikan ibarat pelita dalam kegelapan, menerangi jalan menuju kejayaan. Murid yang rajin menimba ilmu pasti akan berjaya kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Seseorang yang tidak menuntut ilmu dilihat seperti katak di bawah tempurung. Namun, kejayaan tidak datang bergolek, usaha dan kesabaran amat diperlukan kerana alah bisa tegal biasa. Oleh itu, setiap murid yang berusaha bersungguh-sungguh akan lebih terang hati demi mencapai impian dan membanggakan keluarga serta negara.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Perindustrian merupakan sektor penting yang memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Namun, industri ini tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran besar. Salah satu cabaran utama ialah persaingan global yang semakin sengit, terutamanya dengan kemajuan teknologi dan perdagangan antarabangsa yang pesat. Hal ini dikatakan demikian kerana syarikat tempatan perlu bersaing dengan produk import yang lebih murah, berkualiti tinggi dan memenuhi kehendak pasaran global.

Selain itu, kos pengeluaran yang meningkat turut menjadi cabaran termasuk harga bahan mentah, tenaga kerja dan kos penyelenggaraan mesin.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cabaran dalam Perindustrian'
oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia,
Laporan Tahunan MITI, Bil. 2021

Bahan 2

Industri tempatan menghadapi pelbagai masalah yang boleh menghalang pertumbuhan ekonomi negara. Salah satu masalah paling utama ialah kekurangan inovasi dalam kalangan syarikat kecil dan sederhana. Industri yang gagal mengikuti perkembangan teknologi berisiko untuk ketinggalan dalam persaingan global terutama apabila berdepan syarikat antarabangsa yang lebih maju.

Selain itu, kekurangan infrastruktur yang efisien seperti jalan raya, sistem pengangkutan moden dan bekalan elektrik stabil menjadi penghalang utama bagi kebanyakan industri. Peraturan ketat kerajaan walaupun bertujuan melindungi kepentingan nasional kadang kala membantutkan pelaburan asing dalam sektor ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Inovasi Teknologi dalam Industri Tempatan'
oleh Rahman S. A.,
Universiti Malaya Press, 2019

Bahan 3



- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan dua contoh kekurangan infrastruktur yang menjadi penghalang utama bagi kebanyakan industri. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, jelaskan cabaran utama yang dihadapi oleh syarikat tempatan untuk bersaing pada peringkat antarabangsa. [4 markah]
- (iii) Beberapa syarikat perindustrian telah mengambil langkah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh aktiviti pengeluaran mereka.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab syarikat perindustrian perlu bertindak sedemikian? [3 markah]

- (iv) Sebuah syarikat perindustrian tempatan menghadapi kenaikan kos bahan mentah akibat perubahan harga pasaran global. Pengurus syarikat berasa bimbang kerana kenaikan ini akan menjejaskan keuntungan syarikat. Beliau mula merancang langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Jika anda ialah pengurus syarikat tersebut, apakah langkah-langkah yang akan anda ambil untuk memastikan syarikat dapat mengekalkan keuntungan? [4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Kemudiannya, Datuk Munir menukar nama Nyet kepada Muhammad al-Ghazali. Nama itu sangat mengaburi dan dapat menjadikan Nyet lebih terhormat dan dihormati. Ucapannya didengar dan disambut dengan meriah.

Muhammad al-Ghazali memulakan kempennya dengan menyatakan, "jika kita mahu dihormati, dikenali dan disanjung tinggi kita perlu mempunyai sifat-sifat yang boleh dihormati, yang menarik perhatian dan yang membawa kejayaan. Sebab itulah kita akan cuba membentuk pentadbiran yang lebih cekap, lebih bersih, lebih beramanah. Sebab itulah kita *mencipta pendirian* yang bebas dan sanggup menuntut hak kita di merata-rata dunia. Kita cuba menjadikan negara kita sebagai negara industri dan bukan semata-mata sebagai negara pengeluar bahan mentah untuk negara maju."

Teks ucapan Muhammad al-Ghazali itu disediakan oleh Nuraini. Khalayak berpusu-pusu ingin mendengar ucapan Muhammad al-Ghazali. Kempen dia untuk Datuk Munir berjaya.

Dipetik daripada cerpen 'Raja Monyet'

Karya Mana Sikana,

Berita Harian, 26 Jun 2023

Bahan 2

Pantun Pemimpin

Rangkap 1

Indah hiasan pepohon cemara,
Diselang-seli pohon pegaga;
Pemimpin adil rakyat gembira,
Kasih dijunjung amanah terjaga.

Rangkap 2

Ke hutan rimba si anak rusa,
Berlari riang di tepi paya;
Pemimpin bijak rakyat selesa,
Negara maju sejahtera maya.

Rangkap 3

Tumbuh menjalar pokok mempelas,
Penuh melata di tepi titi;
Baik pekerti, jujur ikhlas,
Disanjung rakyat dikenang pasti.

Rangkap 4

Sungai mengalir jernih tenang,
Di celah batu ikan bermain;
Pemimpin cekal bangsa menang,
Negara makmur damai terjamin.

Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 1** berikan maksud rangkai kata *mencipta pendirian*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan sifat-sifat yang seharusnya dimiliki oleh seorang pemimpin. [3 markah]
- (iii) Pemimpin yang adil perlu memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera seperti yang digambarkan dalam pantun.

Pada pendapat anda, apakah perkara yang patut dilakukan oleh seseorang pemimpin agar dapat mencapai hasrat tersebut? [3 markah]

- (iv) Semasa aktiviti perkhemahan unit beruniform, anda telah dilantik sebagai ketua kumpulan. Kumpulan anda perlu melaksanakan tugas menjaga keselamatan kawasan perkhemahan. Namun, beberapa ahli kumpulan anda tidak memberikan kerjasama.

Sebagai ketua kumpulan, apakah tindakan-tindakan yang patut anda ambil agar semua ahli kumpulan anda bersama-sama menjalankan tugas yang diberikan? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Lia tahu, sirih sebagai pembuka kata. Waktu menghulurkan tepak sirih, 'kepala' tepak sirih mesti didulukan. Tapi orang sekarang Lia tengok tak kisah. Waktu anak Imam Deraman kahwin, bukan sahaja turut tak betul, tapi tak lengkap pun isi-isinya."

"Lia mesti tahu makna diadakan benda-benda ini. Kalau orang tanya, taklah melopong."

"Apa maknanya nek?"

"Sirih ini membawa maksud sifat merendah diri dan berani. Kapur berwarna putih pula bermaksud hati yang bersih."

"Dulu nenek menyongel. Rasa gambir ini kelat kepahit-pahitan. Gambir dikatakan membawa maksud hati yang cekal. Pinang ini, jika dibelah dua akan nampak empulur yang keputihan yang bermaksud daripada keturunan yang baik-baik, malah suka membuat sesuatu dengan hati yang terbuka dan bersungguh-sungguh."

"Wah, tinggi betul maknanya!"

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*

oleh Khairuddin Ayip,

Kementerian Pelajaran Malaysia

Apakah maksud bagi setiap benda di dalam tepak sirih?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan semangat bekerjasama.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Kecerdasan buatan atau lebih dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *Artificial Intelligence* (AI) merupakan konsep yang telah wujud sejak tahun 1950-an lagi. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan kecerdasan buatan sebagai teknologi yang membolehkan sistem komputer atau mesin menjalankan tugas yang biasanya memerlukan kepakaran manusia. Menurut pakar teknologi, kecerdasan buatan merangkumi keupayaan mesin untuk belajar, berfikir dan membuat keputusan berdasarkan data. Oleh itu, kecerdasan buatan dapat meningkatkan kecekapan sesuatu proses dan mengoptimumkan kualiti kerja dalam pelbagai bidang.

Berita Harian pernah melaporkan bahawa kecerdasan buatan semakin popular dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan kajian, penggunaan kecerdasan buatan dalam industri telah meningkatkan produktiviti secara signifikan. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi ini dapat mengautomasikan tugas rutin, mengurangkan kesilapan manusia dan mempercepat proses analisis data. Sehubungan dengan itu, syarikat dan institusi pendidikan harus mengaplikasikan teknologi ini sejak awal bagi memastikan masyarakat menggunakannya secara lebih meluas.

Namun demikian, penggunaan kecerdasan buatan turut menimbulkan kebimbangan dalam masyarakat. Antaranya ialah isu kehilangan pekerjaan akibat automasi. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak tugas manusia kini boleh digantikan oleh robot dan sistem pintar. Selain itu, aspek keselamatan data dan privasi turut menjadi perhatian utama kerana penyalahgunaan teknologi ini boleh mengakibatkan kebocoran maklumat peribadi. Oleh itu, pengawalseliaan dan etika dalam penggunaan kecerdasan buatan perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan agar teknologi ini dapat dimanfaatkan tanpa menjejaskan kesejahteraan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kecerdasan Buatan Dalam Kalangan Masyarakat Moden'
oleh Ahmad Firdaus, Nur Liyana dan Siti Hajar
Jurnal Teknologi dan Inovasi Digital,
Universiti Teknologi Malaysia


KECERDASAN BUATAN (AI)

TERBAHAGI KEPADA
BEBERAPA KATEGORI IAITU:

AI LEMAH (NARROW AI)

AI KUAT (GENERAL AI)

AI HEBAT (SUPER AI)



Dapat
mempelbagaikan
kaedah
pembelajaran

Memudahkan
diagnosis
pelbagai jenis
penyakit

